

Pertahanan muafakat

PM mahu BN terus berpakat capai agenda Wawasan 2020

Oleh Azman Zakaria
dan Magendran Rajagopal

KUALALUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan semua parti komponen Barisan Nasional (BN) supaya mempertahankan semangat pemuafakatan yang diamalkan selama ini bagi mencapai agenda pembangunan negara serta Wawasan 2020.

Perdana Menteri berkata, menerusi musyawarah dan muafakat akan dapat membina kekuatan parti untuk mencapai matlamat sama iaitu menjamin kestabilan politik

negara serta membawa kemajuan dan kebaikan untuk rakyat.

Beliau berkata, dalam BN, parti komponennya mewakili kaum seperti Umno, MCA dan MIC manakala parti yang tidak mewakili kaum mempunyai keahlian satu kaum yang besar peratusnya.

Katanya, menjadi kelaziman parti politik seperti itu diminta memperjuangkan perkara yang ada hubung kait dengan kepentingan kaum tertentu seperti ekonomi.

"Bagaimanapun kami (BN) berpakat dengan niat dan satu tujuan bahawa pakatan itu adalah untuk

kebaikan negara dan seluruh rakyat Malaysia... kita berpakat menjadi satu parti dengan satu manifesto.

"Kalau ada apa-apa berkaitan (berhubung perjuangan kaum yang diwakili), tolak ansur berlaku dalam suasana muafakat dan mesti mencapai kata sepakat yang kukuh, yang mempunyai konsensus," katanya pada sidang media selepas merasmikan Perhimpunan Agung MIC ke-60 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Turut hadir pada majlis perasmian itu adalah Timbalan Perdana

Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan pemimpin komponen BN.

"Muafakat menjadi perkara penting kepada kita kerana ini perjuangan kita bersama... misi nasional, misi kita, Wawasan 2020 adalah misi kita.

"Hanya dengan muafakat akan ada kekuatan dan dengan kekuatan ini akan dapat kemampuan dan keupayaan untuk berjaya. Kita tentu sekali mahu apabila negara mencapai kemajuan, semua rakyat turut maju dan bahagia dengan kemajuan itu," katanya.

LIHAT MUKA 2

Abdullah minta MIC perkuh kekuatan

DARI MUKA 1

Ketika berucap, Abdullah yang juga Pengerusi BN berkata, walaupun parti mewakili kaum tertentu, semua pemimpin secara bijaksana sentiasa mengambil kira kepentingan rakyat berbilang bangsa.

"Cara inilah yang menjadi amalan kita selama ini dan cara kita juga adalah cara musyawarah untuk menentukan apa yang kita anggap sebagai baik untuk Malaysia dan baik untuk rakyat.

"Semua parti diberi perhatian, walaupun bilangan ahlinya kecil tapi bila tiba masanya kita membuat keputusan, kita buat berdasarkan persetujuan daripada semua yang hadir," katanya.

Beliau berkata, BN mempunyai misi yang besar untuk membawa bangsa dan negara ke puncak kejayaan sebagai negara dan bangsa maju, melalui Wawasan 2020.

Sehubungan itu, katanya, parti mesti sentiasa diperkukuhkan supaya menerusi kekuatan, komitmen tinggi dan keyakinan tugas besar itu dapat dilaksanakan, manakala cabaran besar termasuk pada peringkat global dapat diatasi.

Abdullah turut melahirkan penghargaan terhadap sokongan dan kesetiaan kepemimpinan MIC kepada BN sejak awal penubuhan sehingga pentadbirannya kini.

Mengenai pemilihan MIC, beliau berkata, yang penting bukan siapa menang, tetapi kekuatan terus terbina menerusi perpaduan selepas pemilihan serta kerjasama sebagai parti komponen BN untuk menyumbang kepada kemajuan negara.

Katanya, pemilihan parti adalah amalan demokrasi yang menjadi tunjang setiap parti komponen dalam BN yang seharusnya memberi kekuatan kepada parti kerana mereka yang dipilih adalah dikehendaki ahli.

"Dalam pemilihan, pilihlah siapa yang kita mahu. Yang penting bukan yang menang tetapi yang menang (sebenarnya) adalah MIC," katanya.